

# BEZAMIDIN TABLET

Bezafibrate (200mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bezamidin Tablet
2. Bagaimana Bezamidin Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Bezamidin Tablet
4. Cara menggunakan Bezamidin Tablet
5. Semasa menggunakan Bezamidin Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bezamidin Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Bezamidin Tablet

Bezamidin Tablet, bersama dengan perubahan dalam diet dan gaya hidup, digunakan untuk merawat pelbagai jenis keadaan tinggi kolesterol. Ia juga digunakan untuk merawat paras kolesterol tinggi yang dikaitkan dengan penyakit lain, seperti kencing manis, apabila rawatan utama sahaja tidak mencukupi untuk mengawal paras kolesterol dengan berkesan.

## Bagaimana Bezamidin Tablet berfungsi

Bezamidin Tablet mengandungi bahan aktif bezafibrate, sejenis ubat mengawal kolesterol yang berada dalam kelas fibrate. Ia berfungsi dengan menambah baik profil lipid keseluruhan dan mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.

## Sebelum mengambil Bezamidin Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Bezamidin Tablet jika anda

- alah (hipersensitif) kepada bezafibrate atau sebarang bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)
- mempunyai masalah pada hati. (Melainkan hati berlemak, yang biasa berlaku pada pesakit hipertrigliseridemia)
- mempunyai masalah hempedu.
- mempunyai masalah buah pinggang yang teruk

## Kehamilan dan penyusuan

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk mengandung atau menyusui sebelum menggunakan sebarang ubat.

Jangan ambil Bezamidin Tablet jika anda hamil dan menyusukan bayi, kerana ia boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda. Jika anda berkemungkinan hamil semasa mengambil Bezamidin Tablet, kaedah perancang kehamilan yang berkesan hendaklah digunakan.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai:

- paras albumin rendah (seperti dalam sindrom nefrotik)
- masalah buah pinggang atau menjalani dialisis
- risiko kelemahan otot atau masalah berkaitan otot lain
- kencing manis
- perut sensitif

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- ubat cair darah jenis coumarin
- sulphonylurea atau insulin (ubat antidiabetik)
- HMG-CoA reductase inhibitors (kumpulan statin, digunakan untuk merawat kolesterol tinggi dalam darah)
- ubat perancang atau sebarang ubat yang mengandungi estrogen

Cholestyramine (digunakan untuk merawat kolesterol tinggi) menjejaskan penyerapan bezafibrate. Jika diambil bersama-sama, kedua-dua ubat ini perlu dijarakkan sekurang-kurangnya 2 jam.

## Cara menggunakan Bezamidin Tablet

### Berapa banyak harus digunakan

Ambil 1 tablet tiga kali sehari

Jika rawatan berkesan untuk anda, doktor anda mungkin menurunkan dos kepada satu tablet dua kali sehari.

Pertimbangan khas:

- Jika perut anda sensitif terhadap ubat-ubatan, ubat perlu dimulakan pada dos rendah dan perlahan-lahan dinaikkan sehingga mencapai dos yang biasa diperlukan.

- Jika anda mengalami masalah buah pinggang, doktor anda akan melaraskan dos berdasarkan tahap kreatinin serum anda

- Jika anda menjalani dialisis, dos adalah satu tablet setiap tiga hari.

- Penggunaan pada kanak-kanak : Tidak disyorkan, kerana tiada cadangan dos diberikan.

### - Bila perlu digunakan

Telan tablet secara keseluruhan dengan air, bersama atau selepas makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil Bezamidin Tablet untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

Doktor boleh menghentikan terapi jika tindak balas yang mencukupi tidak diperolehi dalam tempoh 3 hingga 4 bulan.

### - Jika terlupa menggunakan

- Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda atau sesiapa sahaja mungkin menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

# BEZAMIDIN TABLET

Bezafibrate (200mg)

Mengambil terlalu banyak tablet boleh mengakibatkan peningkatan kesan sampingan.

## Semasa menggunakan Bezamidin Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Bezamidin Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil Bezamidin Tablet hanya dengan preskripsi doktor.

Bezamidin Tablet harus digunakan bersama-sama dengan pengubahsuaian gaya hidup seperti perubahan diet, senaman, penurunan berat badan dan mengawal keadaan lain (seperti diabetes atau gout).

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Bezamidin Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan bezafibrate mungkin boleh menyebabkan pembentukan batu karang, jadi jika anda mengalami gejala seperti sakit di bahagian atas abdomen, loya atau muntah, doktor anda mungkin menjalankan beberapa ujian.

*Memandu dan menggunakan mesin*  
Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda

tahu bagaimana Bezamidin Tablet memberi kesan kepada anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Bezamidin Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Bezafibrate biasanya diterima dengan baik. Kesan sampingan yang paling biasa dilaporkan adalah masalah sementara dalam sistem pencernaan seperti kehilangan selera makan, mual, kembung, dan ketidakselesaan perut.

Kesan sampingan lain yang dilaporkan termasuk:

- reaksi kulit seperti gatal dan gegata
- tindak balas alahan
- sakit otot, kejang dan kelemahan otot
- batu karang hempedu (jarang)
- sakit kepala (amat jarang)
- pening (amat jarang)
- keguguran rambut (amat jarang)
- ketidaksuburan (amat jarang)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npa.gov.my](http://npa.gov.my) (*Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Bezamidin Tablet

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan.

Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk  
Tablet berlapis filem berwarna putih atau putih pudar, berbentuk bulat, cembung di kedua-dua belah.

### - Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:  
Bezafibrate

-Bahan tidak aktif:

Sodium starch glycolate, Corn starch, Polyethylene glycol, Talc, Titanium dioxide, Povidone, Magnesium stearate, Croscarmellose sodium, Hydroxypropylmethyl cellulose, Microcrystalline cellulose, Lactose, Propylene glycol,

- Nombor MAL:  
MAL19988485ASZ

## Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.  
Lot 5030, Jalan Teratai,  
5 ½ Mile off Jalan Meru  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

## Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Miles off Jalan Meru  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

**Tarikh Kemaskini RiMUP**  
01/03/2024

**Nombor Siri:**  
NPRA(R4/1)170124/00010